

# Perasmian Program Latihan ISO 14000

Oleh Y.B. Dato' Abu Bakar Daud.

Program latihan ISO 14000 bertajuk "Training Program for the Implementation of Environmental Management in Accordance with Emerging Best Practices in Industry" telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Abu Bakar Daud, Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Malaysia pada 19 Ogos 1998. Program ini telah dianjurkan oleh Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar, UPM. Ia adalah sebahagian daripada aktiviti National Committee on Environmental Standards (NACES) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan kerjasama United Nations Environment Program (UNEP) dan Danish Cooperation for Environment and Development (DANCED) melalui Network for Environmental Training at Tertiary Level in Asia and the Pacific (NETTLAP) dan Malaysian Inter-University Network for Training and Research on Environmental Management (MATREM).

Objektif program ini adalah untuk menyediakan latihan yang komprehensif (teori dan praktikal) mengenai semua siri standard ISO 14000 yang ditentukan oleh Jabatan Standard Malaysia, SIRIM dan NACES. Program latihan ini dikendalikan oleh pakar

luar negara dan tempatan khususnya ahli NACES.

Dalam ucapan Naib Canselor UPM yang diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik), Prof. Kamel Ariffin Mohd. Atan telah mengucapkan tahniah kepada penganjur dan berharap agar program 'Training of Trainers' ini dapat mengabungkan usaha industri, kerajaan, majikan dan pekerja dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Ketua Projek Program Latihan ini ialah Profesor Madya Dr. Mohd. Nasir Hassan. Majlis dihadiri juga oleh Puan Hajah Rusnani Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Dr. Suvit Yodmani, 'Regional Director and Representative of the United Nations Environment Programme, Regional Office for Asia and the Pacific'. Dato' Dr. Muhamad Awang, Dekan Fakulti Pengajian Sains dan Alam Sekitar merangkap Pengerusi 'Malaysian Network Training and Research on Environmental Management (MATREM) and Malaysia Focal Point for UNEP/ROAP' dan Dato' Dr. Abu Bakar Jaafar, 'Chairman of the National Committee on Environmental Standards.